



30 Jun 2014
30 June 2014
P.U. (A) 188

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN CUKAI BARANG DAN
PERKHIDMATAN (KETETAPAN AWAL) 2014

*GOODS AND SERVICES TAX (ADVANCE RULING)
REGULATIONS 2014*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

PERATURAN-PERATURAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN
(KETETAPAN AWAL) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 177 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 [Akta 762], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cukai Barang dan Perkhidmatan (Ketetapan Awal) 2014**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2015.

Skop ketetapan awal

2. (1) Suatu ketetapan awal di bawah seksyen 77 Akta hendaklah dibuat bagi perkiraan yang secara serius akan dilaksanakan oleh orang yang memohon ketetapan awal.

(2) Ketua Pengarah boleh membuat suatu ketetapan awal tentang pemakaian mana-mana peruntukan Akta bagi perkiraan yang dinyatakan dalam suatu permohonan sama ada atau tidak sebutan telah dibuat kepada peruntukan itu dalam permohonan itu.

Orang yang boleh memohon ketetapan awal

3. (1) Seseorang, bagi pihak dirinya sendiri atau bagi pihak orang lain, boleh memohon kepada Ketua Pengarah bagi suatu ketetapan awal.

(2) Dua orang atau lebih boleh memohon secara bersesama, atau seseorang bagi pihak dua orang atau lebih boleh memohon, kepada Ketua Pengarah bagi suatu ketetapan awal.

Permohonan bagi ketetapan awal

4. (1) Seseorang yang memohon bagi suatu ketetapan awal di bawah subseksyen 77(2) Akta hendaklah mengemukakan kepada Ketua Pengarah butir-butir yang berikut:

- (a) maklumat mengenai identiti orang yang memohon ketetapan awal itu;
- (b) semua fakta yang relevan termasuk alasan untuk perkiraan itu dan dokumen yang berhubungan dengan perkiraan yang baginya ketetapan awal dipohon;
- (c) peruntukan Akta yang relevan berkenaan dengan ketetapan awal yang dipohon;
- (d) saranan undang-undang, jika ada, yang relevan kepada isu yang dibangkitkan dalam permohonan; dan
- (e) suatu pernyataan sama ada apa-apa permohonan yang terdahulu telah dibuat atas perkiraan yang sama atau yang serupa oleh orang yang memohon ketetapan awal itu dan keputusan permohonan yang sedemikian.

(2) Ketua Pengarah boleh mengetepikan kehendak untuk memberikan apa-apa maklumat yang dikehendaki di bawah subperaturan (1) jika Ketua Pengarah mendapati adalah tidak munasabah untuk menghendaki orang yang membuat permohonan itu untuk memberikan maklumat sedemikian.

(3) Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa, menghendaki secara bertulis orang yang membuat permohonan itu untuk memberikan, dalam tempoh tiga puluh hari atau apa-apa tempoh lanjut yang diberikan oleh Ketua Pengarah, apa-apa dokumen atau maklumat tambahan sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Ketua Pengarah.

(4) Jika apa-apa dokumen atau maklumat tambahan yang dikehendaki di bawah subperaturan (3) tidak diberikan oleh orang yang membuat permohonan, permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik dan hendaklah tidak boleh diteruskan.

(5) Tanpa menjejaskan subperaturan (4), orang yang membuat permohonan boleh membuat permohonan baharu bagi suatu ketetapan awal kepada Ketua Pengarah.

(6) Mana-mana orang yang membuat suatu permohonan bagi suatu ketetapan awal boleh, pada bila-bila masa sebelum ketetapan awal itu dikeluarkan, menarik balik permohonannya melalui notis secara bertulis kepada Ketua Pengarah.

Hal keadaan yang ketetapan awal tidak boleh dikeluarkan

5. (1) Ketua Pengarah tidak boleh membuat ketetapan awal dalam hal keadaan yang berikut:

- (a) jika ketetapan awal yang dipohon adalah berhubungan dengan mana-mana peruntukan Akta yang memberi kuasa atau menghendaki Menteri atau Ketua Pengarah—
 - (i) untuk mengenakan atau meremit suatu penalti, surcuj, fi atau wang lain;
 - (ii) untuk meremit apa-apa cukai yang genap masa dan kena dibayar;
 - (iii) untuk meluluskan mana-mana permohonan di bawah Akta;
 - (iv) untuk membuat pertanyaan mengenai betulnya mana-mana penyata, perisytiharan atau maklumat lain yang diberikan oleh mana-mana orang; atau

- (v) untuk mendapatkan sesuatu hutang yang masih belum dibayar oleh mana-mana orang.

- (b) jika pada masa permohonan bagi ketetapan awal dibuat atau pada bila-bila masa sebelum ketetapan awal dikeluarkan, orang yang memohon bagi ketetapan awal itu telah membuat atau melaksanakan perkiraan yang baginya ketetapan awal itu dipohon;

- (c) jika permohonan bagi ketetapan awal itu adalah remeh, menyusahkan atau berdasarkan keadaan andaian;

- (d) jika perkara yang baginya ketetapan awal itu dipohon melibatkan tafsiran mana-mana undang-undang asing;

- (e) jika suatu ketetapan awal telah dikeluarkan tentang pemakaian peruntukan Akta yang relevan bagi orang yang memohon ketetapan awal itu dan perkiraan yang berhubungan dengannya, dan ketetapan awal yang dipohon akan terpakai bagi tempoh yang sama dengan tempoh yang ketetapan awal yang dikeluarkan terdahulu itu terpakai;

- (f) jika suatu taksiran, tidak termasuk taksiran bagi sebarang cukai yang dianggarkan, yang berhubungan dengan orang yang memohon ketetapan awal dan perkiraan yang baginya ketetapan awal yang dipohon itu akan terpakai telah dibuat;

- (g) jika Ketua Pengarah sedang menjalankan audit atau penyiasatan tentang pemakaian mana-mana peruntukan Akta bagi orang yang memohon ketetapan awal itu atau tentang suatu perkiraan yang sama dengan perkiraan yang baginya ketetapan awal itu dipohon, dalam mana-mana tempoh yang ketetapan awal yang dipohon akan terpakai jika ketetapan awal itu dibuat;

- (h) jika pada pendapat Ketua Pengarah orang yang memohon ketetapan awal itu tidak memberikan maklumat yang mencukupi sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah;
- (i) jika permohonan bagi ketetapan awal itu menghendaki Ketua Pengarah memberikan suatu pendapat tentang prinsip akaun yang diterima pakai atau memberikan suatu pendapat tentang amalan yang boleh terima secara komersial;
- (j) jika pada pendapat Ketua Pengarah adalah tidak munasabah untuk membuat ketetapan awal memandangkan sumber yang tersedia kepada Ketua Pengarah; atau
- (k) jika pada masa permohonan dibuat atau pada bila-bila masa sebelum ketetapan itu dikeluarkan, Ketua Pengarah berpendapat bahawa orang yang ketetapan itu akan terpakai tidak akan secara serius melaksanakan perkiraan yang baginya ketetapan awal dipohon.

(2) Berhubung dengan perenggan (1)(b), orang yang memohon ketetapan awal hendaklah memberitahu Ketua Pengarah jika dia telah membuat atau melaksanakan perkiraan yang baginya ketetapan awal itu dipohon.

Hal keadaan yang ketetapan awal ditolak

6. Ketua Pengarah boleh menolak untuk membuat ketetapan awal dalam hal keadaan yang berikut:

- (a) jika permohonan bagi ketetapan awal itu menghendaki Ketua Pengarah untuk memutuskan apa-apa persoalan fakta;
- (b) jika Ketua Pengarah mendapati bahawa betulnya ketetapan awal itu akan bergantung atas pembuatan tanggapan, sama ada berkenaan dengan kejadian masa hadapan atau apa-apa perkara lain;

- (c) jika perkara yang baginya ketetapan dipohon adalah tertakluk kepada suatu kajian semula atau rayuan, sama ada berhubung dengan orang yang membuat permohonan atau mana-mana orang lain; atau
- (d) jika orang yang memohon ketetapan awal itu mempunyai hutang tertunggak berkenaan dengan fi yang kena dibayar di bawah peraturan 14 yang berhubung dengan permohonan ketetapan awal terdahulu oleh orang yang sama.

Pemberitahuan mengenai ketetapan awal yang tidak dikeluarkan

7. Ketua Pengarah hendaklah, jika dia tidak membuat suatu ketetapan awal di bawah peraturan 5 atau jika dia menolak untuk membuat suatu ketetapan awal di bawah peraturan 6, memberitahu orang yang memohon ketetapan awal itu tentang keputusannya dan alasan bagi keputusannya secara bertulis.

Ketua Pengarah boleh membuat tanggapan

8. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), jika Ketua Pengarah berpendapat bahawa betulnya suatu ketetapan awal akan bergantung kepada tanggapan yang dibuat mengenai suatu kejadian masa hadapan atau perkara lain, Ketua Pengarah boleh membuat tanggapan yang pada pendapat Ketua Pengarah adalah paling wajar.

(2) Ketua Pengarah tidak boleh membuat apa-apa tanggapan mengenai apa-apa kejadian masa hadapan atau perkara lain jika orang yang memohon ketetapan awal itu boleh memberikan apa-apa maklumat mengenai kejadian masa hadapan atau perkara lain itu.

Nasihat luar

9. Apabila dokumen berhubung dengan permohonan bagi ketetapan awal diterima, Ketua Pengarah boleh, jika dia berpendapat bahawa suatu nasihat luar dikehendaki sebelum suatu ketetapan awal dibuat, tertakluk kepada persetujuan orang yang membuat permohonan itu, merujuk perkara itu kepada mana-mana orang atau badan sebagaimana yang ditentukan olehnya dan apa-apa fi yang ditanggung bagi maksud nasihat luar itu hendaklah ditanggung oleh orang yang membuat permohonan itu.

Pengeluaran ketetapan awal

10. (1) Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu ketetapan awal kepada orang yang membuat permohonan dalam tempoh sembilan puluh hari atau dalam tempoh yang praktik selepas penerimaan suatu permohonan yang lengkap dan fi yang berkenaan di bawah peraturan 14.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), jika suatu nasihat luar diperoleh menurut peraturan 9, Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan suatu ketetapan awal dalam tempoh enam puluh hari selepas penerimaan laporan nasihat luar, fi nasihat luar dan fi yang berkenaan di bawah peraturan 14.

(3) Apa-apa ketetapan awal yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah hendaklah untuk suatu tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya patut.

(4) Orang yang membuat permohonan bagi ketetapan awal boleh memohon suatu lanjutan tempoh yang terpakai bagi ketetapan awal itu dalam tempoh sembilan puluh hari sebelum tamat tempoh yang terpakai bagi ketetapan awal itu.

Permintaan untuk salinan terperaku bagi ketetapan awal

11. Orang yang suatu ketetapan awal dikeluarkan boleh meminta daripada Ketua Pengarah satu salinan terperaku ketetapan itu tertakluk kepada pembayaran fi yang berkenaan di bawah peraturan 14.

Kesilapan pada ketetapan awal

12. Tiada ketetapan awal boleh menjadi tidak sah atau terjejas oleh mana-mana kesilapan tipografi atau kesilapan kecil lain jika kesilapan itu tidak mengubah maksud ketetapan awal itu dari segi isi dan kesannya.

Permohonan tidak menjejaskan kewajipan atau kuasa

13. (1) Mana-mana orang yang membuat suatu permohonan bagi ketetapan awal tidak dilepaskan daripada mematuhi mana-mana kewajipan atau kehendak di bawah Akta.

(2) Kuasa Ketua Pengarah untuk membuat atau meminda apa-apa taksiran di bawah peruntukan Akta tidak terjejas walau apa pun apa-apa ketetapan awal yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah.

Fi

14. (1) Fi berkenaan dengan suatu permohonan untuk ketetapan awal adalah seperti yang berikut:

- (a) fi permohonan yang tidak boleh dibayar balik berjumlah lima ratus ringgit, yang hendaklah disertakan bersama permohonan itu; dan
- (b) fi bayaran balik berkenaan dengan apa-apa kos lain dan perbelanjaan munasabah yang dilakukan oleh Ketua Pengarah berhubung dengan ketetapan awal itu.

(2) Jika mana-mana orang yang membuat permohonan untuk suatu ketetapan awal menarik balik permohonan itu sebelum ketetapan itu dikeluarkan oleh Ketua Pengarah, orang itu hendaklah bertanggung untuk membayar semua fi yang kena dibayar kepada Ketua Pengarah yang berhubung dengan permohonan bagi ketetapan awal itu pada masa notis penarikan balik itu diberikan.

(3) Seseorang yang suatu ketetapan awal dikeluarkan yang meminta satu salinan terperaku ketetapan itu hendaklah membayar fi sebanyak lima puluh ringgit.

Dibuat 30 Jun 2014

[SULIT KE.HT (96) 667/29(1); Perb. R.0.3865/365/1 Jld.15 (SK.2); PN(PU2)721]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Menteri Kewangan Kedua

GOODS AND SERVICES TAX ACT 2014

GOODS AND SERVICES TAX (ADVANCE RULING) REGULATIONS 2014

IN exercise of the powers conferred by section 177 of the Goods and Services Tax Act 2014 [Act 762], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Goods and Services Tax (Advance Ruling) Regulations 2014**.

(2) These Regulations come into operation on 1 April 2015.

Scope of advance ruling

2. (1) An advance ruling under section 77 of the Act shall be made for arrangements that are seriously contemplated by the person applying for the advance ruling.

(2) The Director General may make an advance ruling on the application of any provision of the Act to the arrangement specified in an application whether or not reference was made to that provision in the application.

Person who may apply for advance ruling

3. (1) A person, in his own right or on behalf of another person, may apply to the Director General for an advance ruling.

(2) Two or more persons may jointly apply, or a person on behalf of two or more persons may apply, to the Director General for an advance ruling.

Application for advance ruling

4. (1) A person who applies for an advance ruling under subsection 77(2) of the Act shall submit to the Director General the following particulars:

- (a)* the information on the identity of the person applying for the advance ruling;
- (b)* all relevant facts including the reasons for the arrangement and documents relating to the arrangement for which the advance ruling is sought;
- (c)* the relevant provisions of the Act in respect of which the advance ruling is sought;
- (d)* the proposition of law, if any, which is relevant to the issues raised in the application; and
- (e)* a statement whether any previous application has been made on the same or any similar arrangement by the person applying for the advance ruling and the result of such application.

(2) The Director General may waive the requirement to provide any of the information required under subregulation (1) if the Director General considers that it would be unreasonable to require the person making the application to provide such information.

(3) The Director General may, at any time, require in writing the person making the application to provide, within thirty days or any extended period granted by the Director General, such additional documents or information as may be deemed necessary by the Director General.

(4) Where any additional document or information required under subregulation (3) is not provided by the person making the application, the application shall be deemed to have been withdrawn and shall not be further proceeded with.

(5) Without prejudice to subregulation (4), the person making the application may make a new application for an advance ruling to the Director General.

(6) Any person making an application for advance ruling may, at any time before the advance ruling is issued, withdraw his application by notice in writing to the Director General.

Circumstances where advance ruling shall not be issued

5. (1) The Director General shall not make an advance ruling in the following circumstances:

- (a) where the advance ruling sought relates to any provision of the Act that authorizes or requires the Minister or the Director General—
 - (i) to impose or remit a penalty, surcharge, fee or other money;
 - (ii) to remit any tax due and payable;
 - (iii) to approve any application under the Act;
 - (iv) to inquire into the correctness of any return, declaration or other information supplied by any person; or
 - (v) to recover any debt owing by any person.
- (b) where at the time the application for advance ruling is made or at any time before the advance ruling is issued, the person applying for the advance ruling has entered into or effected the arrangement for which the advance ruling is sought;
- (c) where the application for advance ruling is frivolous, vexatious or based on hypothetical situations;
- (d) where the matter on which the advance ruling is sought involves the interpretation of any foreign law;

- (e) where an advance ruling has already been issued on the application of the relevant provision of the Act to the person who sought the advance ruling and the arrangement relating to it, and the advance ruling sought would apply to the same period to which the existing advance ruling issued earlier applies;
- (f) where an assessment, excluding assessment of any estimated tax, relating to the person who sought the advance ruling and the arrangement to which the advance ruling sought would apply has been made;
- (g) where the Director General is undertaking an audit or investigation on the application of any provision of the Act to the person applying for the advance ruling or on an arrangement similar to the arrangement for which the advance ruling is sought, during any period for which the advance ruling sought would apply if the advance ruling is made;
- (h) where in the opinion of the Director General the person applying for the advance ruling has not provided sufficient information as requested by the Director General;
- (i) where the application for the advance ruling would require the Director General to form an opinion as to an accepted accounting principle or to form an opinion as to a commercially acceptable practice;
- (j) where in the opinion of the Director General it would be unreasonable to make an advance ruling in view of the resources available to the Director General; or
- (k) where at the time the application is made or at any time before the ruling is issued, the Director General considers that the person to

whom the ruling is to apply is not seriously contemplating the arrangement for which the advance ruling is sought.

(2) In relation to paragraph (1)(b), the person applying for the advance ruling shall notify the Director General if he has entered into or effected the arrangement for which the advance ruling is sought.

Circumstances where an advance ruling is declined

6. The Director General may decline to make an advance ruling in the following circumstances:

- (a) where the application for the ruling would require the Director General to determine any question of fact;
- (b) where the Director General considers that the correctness of the advance ruling would depend on the making of assumptions, whether in respect of future event or any other matter;
- (c) where the matter on which the ruling is sought is subject to a review or an appeal, whether in relation to the person who made the application or any other person; or
- (d) where the person applying for the advance ruling has outstanding debts in respect of fees payable under regulation 14 relating to earlier advance ruling applications by the same person.

Notification of non-issuance of an advance ruling

7. The Director General shall, where he does not make an advance ruling under regulation 5 or where he declines to make an advance ruling under regulation 6, notify the person applying for the advance ruling of his decision and the reasons for his decision in writing.

Director General may make assumptions

8. (1) Subject to subregulation (2), where the Director General considers that the correctness of an advance ruling would depend on assumptions being made about a future event or other matter, the Director General may make such assumptions as the Director General considers to be most appropriate.

(2) The Director General shall not make any assumption about any future event or other matter where the person applying for the advance ruling can provide any information on such future event or other matter.

External advice

9. Upon receipt of documents in relation to an application for an advance ruling, the Director General may, if he considers that an external advice is required before an advance ruling is made, subject to the consent of the person making the application, refer the matter to any person or body as he may determine and any fee incurred for the purpose of the external advice shall be borne by the person making the application.

Issuance of advance ruling

10. (1) The Director General shall issue an advance ruling to the person making the application within ninety days or within the time practicable after the receipt of a complete application and the relevant fees under regulation 14.

(2) Notwithstanding subregulation (1), where an external advice is obtained pursuant to regulation 9, the Director General shall issue an advance ruling within a period of sixty days after the receipt of the external advice report, external advice fee and relevant fee under regulation 14.

(3) Any advance ruling issued by the Director General shall be for a period as determined by the Director General and subject to such conditions as he deems fit.

(4) The person making the application for the advance ruling may apply for an extension of the period to which the advance ruling applies within a period of ninety days before the expiry of the period to which the advance ruling applies.

Request for certified copy of advance ruling

11. The person to whom an advance ruling is issued may request from the Director General a certified copy of the ruling subject to the payment of the relevant fee under regulation 14.

Errors in an advance ruling

12. No advance ruling shall be void or affected by any typographical or other minor error if the error does not in substance and effect change the meaning of the advance ruling.

Application not to affect obligations or powers

13. (1) Any person making an application for an advance ruling shall not be absolved from complying with any obligation or requirement under the Act.

(2) The powers of the Director General to make or amend any assessment under the provisions of the Act shall not be affected notwithstanding any advance ruling issued by the Director General.

Fee

14. (1) The fees in respect of an application for an advance ruling are as follows:

(a) a non-refundable application fee of five hundred ringgit, which shall accompany the application; and

(b) reimbursement fees in respect of any other costs and reasonable disbursements incurred by the Director General in relation to the advance ruling.

(2) Where any person making an application for an advance ruling withdraws the application before the ruling is issued by the Director General, such person shall be liable to pay all the fees due to the Director General relating to the application for the advance ruling at the time the notice of withdrawal is given.

(3) A person to whom an advance ruling is issued who requests a certified copy of the ruling shall pay a fee of fifty ringgit.

Made 30 June 2014

[SULIT KE.HT (96) 667/29(1); Perb. R.0.3865/365/1 Jld.15 (SK.2); PN(PU2)721]

DATO' SERI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH
Second Minister of Finance